

SIARAN MEDIA

untuk siaran segera

CBMR-3-RFI-15-AlJazari170909-v1
17 September 2009

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Mohd Shamil Mohd Yusoff
Pejabat: +603 8946 0895
Talipon bimbit: +601 2249 6938
E-mel: shamil@cybersecurity.my

Sandra Isnaji
Pejabat: +603 8946 0867
Talipon bimbit: +601 2324 5867
E-mel: sandra@cybersecurity.my

PELANCARAN PUSAT MULTIMEDIA AL-JAZARI

*Salah satu komponen **Tunas Cemerlang**, iaitu program
Tanggungjawab Sosial Korporat oleh CyberSecurity Malaysia dengan
kerjasama Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Federation of
Women Entrepreneurs Association of Malaysia (FEM)*

PERAK, 17 September 2009- CyberSecurity Malaysia melancarkan Pusat Multimedia Al-Jazari di rumah kebajikan Bait Al-Amin, Kg. Tengah, Parit, Perak Darul Ridzuan, hari ini. Majlis pelancaran diikuti dengan pemberian sumbangan Hari Raya serta majlis berbuka puasa bersama 46 anak-anak yatim dan anak-anak fakir miskin di Bait Al-Amin yang berumur antara empat hingga 17 tahun.

Pusat Multimedia Al-Jazari merupakan salah satu komponen utama Program Tunas Cemerlang anjuran CyberSecurity Malaysia, iaitu sebuah program Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility – CSR) organisasi tersebut. Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Dan Warga Miskin Bait Al-Amin pula adalah penerima dan lokasi untuk program Tunas Cemerlang.

CyberSecurity Malaysia
(726630-U)



T +603 8992 6888
F +603 8945 3205

Level 7, Sapura@Mines
No. 7, Jalan Tasik
The Mines Resort City
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

www.cybersecurity.my



Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Lt. Kol. Husin Jazri (Bersara), berkata: “Penubuhan Pusat Multimedia Al-Jazari bertujuan untuk memperkenalkan asas-asas pengetahuan internet kepada kanak-kanak Bait Al-Amin, demi membantu kanak-kanak ini dalam melaksanakan kerja-kerja sekolah harian (jangkamas pendek) serta memperkembangkan minda mereka supaya tidak ketinggalan mengikuti perkembangan ilmu melalui internet peringkat global (jangkamas panjang)”

Sebanyak 10 buah komputer di samping kemudahan IT yang lain telah disediakan oleh CyberSecurity Malaysia di Pusat Multimedia Al-Jazari ini. Dengan adanya kemudahan ini, diharapkan kanak-kanak di Bait Al-Amin boleh mendalami ilmu pengetahuan melalui internet dan bergaul secara maya melalui media sosial dan e-mel dengan kanak-kanak lain di Malaysia dan di seluruh sedunia supaya mereka boleh bergerak maju seperti juga kanak-kanak yang lebih bernasib baik dalam kepesatan perkembangan era digital ini.

Menurut Pengerusi CyberSecurity Malaysia, Yang Berbahagia Jeneral Dato' Seri Panglima Mohd Azumi Bin Mohamed, masyarakat desa juga boleh menggunakan kemudahan yang disediakan bagi menjalani urusan seharian.

Tambahnya lagi, “Selain menggunakan pusat ini sebagai platform untuk menimba ilmu, pusat ini juga dapat digunakan oleh masyarakat setempat untuk melakukan transaksi atas talian (*online transaction*) seperti urusan perbankan, pembayaran bil elektrik, air serta telefon malah pusat ini juga boleh digunakan untuk melakukan aktiviti pembelian atas talian atau *online purchasing*”

Pusat Multimedia Al-Jazari dinamakan sempena cendekiawan Islam yang terkenal dan disegani kerana beliau sangat inovatif dan handal, iaitu al-Shaykh Ra'is al-A'mal Badi' al-Zaman Abu al-'Izz ibn Isma'il ibn al-Razzaz al-Jazari. al-Shaykh adalah gelaran kehormat yang diberikan kepada beliau untuk menandakan beliau seorang terpelajar dan dihormati, manakala Ra'is al-A'mal adalah jawatan beliau sebagai Ketua Jurutera kerajaan, dan Badi' al-Zaman pula menandakan beliau adalah unik dan tiada tandingan. Namanya adalah Abu al-'Izz ibn Isma'il ibn al-Razzaz. al-Jazari dihujung namanya

menunjukkan beliau berasal dari daerah Al-Jazira di Utara Iraq. Namun beliau lebih dikenali diseluruh dunia dengan nama Al-Jazari.

Buku Al-Jazari yang bertajuk *Kitáb fí ma'rifat al-hiyal al-handasiyya* (Buku Ilmu Pengetahuan berkenaan Kejuruteraan Mekanikal) sehingga kini masih menjadi sumber rujukan yang penting di seluruh dunia.

Husin mengakhiri bicara dengan berkata, "Diharap Al-Jazari boleh memberi inspirasi kepada warga Bait Al-Amin untuk menjadi ahli ilmu yang inovatif".

Bait Al-Amin

Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim dan Warga Miskin Bait Al-Amin telah ditubuhkan pada 03 Oktober 2005. Bait Al-Amin kini menjadi rumah harapan bagi 46 anak-anak yatim dan anak-anak fakir miskin yang berumur antara empat hingga 17 tahun. Encik Rozelan Zamzuri selaku Pengetua Bait Al-Amin dibantu oleh lima orang guru-guru untuk mendidik dan mengasuh kanak-kanak ini.

CyberSecurity Malaysia

CyberSecurity Malaysia merupakan pusat pakar keselamatan siber nasional dan sebuah agensi korporat di bawah naungan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Perkhidmatan-perkhidmatan kami termasuklah:

- Digital Forensics / CyberCSI™
- Malaysia's Computer Emergency Response Team (MyCERT) / Cyber999™
- Security Management and Best Practices
- Security Assurance
- Malaysia Common Criteria Certification Body (MyCB)
- Cyber Security Training and Professional Certification
- Outreach, Awareness, and Social Responsibility Programmes
- Cyber Security Policy and Legal Research

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami www.cybersecurity.my.

Untuk melaporkan insiden atau ancaman keselamatan siber ke Pusat Bantuan Cyber999™ (seperti pencerobohan, kecurian identiti dan pembulian melalui internet), sila e-mel ke cyber999@cybersecurity.my

Dikeluarkan oleh: Jabatan Penjenamaan Korporat dan Perhubungan Media, CyberSecurity Malaysia
Untuk pertanyaan, sila hubungi pegawai-pegawai berikut:
Mohd Shamil Mohd Yusoff <[shamil\[at\]cybersecurity.my](mailto:shamil[at]cybersecurity.my)>, +603 8946 0999 sambungan 895
Sandra Isnaji <[sandra\[at\]cybersecurity.my](mailto:sandra[at]cybersecurity.my)>, +603 8946 0999 sambungan 867